

BAB 3 **KAEDAH PENYELIDIKAN**

3.1 Skop Kajian

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik melibatkan Pustakawan Pengkatalogan bagi setiap kategori perpustakaan di Malaysia. Kategori perpustakaan yang ditetapkan adalah perpustakaan negara, perpustakaan awam, perpustakaan akademik/kolej dan perpustakaan khusus. Kajian ini melibatkan semua organisasi tanpa mengira organisasi awam atau swasta.

3.2 Persampelan

Penyelidik telah membuat persampelan untuk kajian yang dilakukan ini kerana bilangan perpustakaan yang banyak di Malaysia. Menurut Abd. Rahim (1999), penyelidik tidak perlu menuju kepada semua subjeknya kerana ini akan melibatkan kos, masa dan tenaga yang banyak.

Sampel diperolehi dari semakan yang dilakukan melalui buku Panduan Perpustakaan Malaysia (1991), *Study in Malaysia Handbook* (2001) dan menerusi internet. Tambahan kepada rujukan tersebut diperolehi juga dari Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan. (Lampiran 1).

3.3 Pengumpulan Data

Terdapat beberapa kaedah yang dapat digunakan di dalam menjalankan pengumpulan data. Kaedah pengumpulan data dapat dilakukan secara pemerhatian, menemubual, borang soal selidik, jadual, pengumpulan data sekunder dan pengurusan koleksi data.

Bagi mendapatkan data primer, penyelidik telah memilih kaedah soal selidik melalui pos untuk diedarkan kepada responden yang terpilih walaupun pada masa sekarang e-mail digunakan secara meluas. Kaedah ini dipilih berdasarkan kepada kaedahnya yang ringkas, melibatkan kos yang murah, sampel yang terdapat merata-rata, responden mempunyai masa untuk menjawab dan tidak mengambil masa yang panjang.

Kaedah e-mail tidak diguna kerana kemungkinan beberapa masalah akan berlaku sebagaimana yang dinyatakan oleh Roosfa (2000). Soal selidik yang dihantar melalui e-mail juga menghadapi beberapa masalah antaranya saiz kotak penerimaan yang terbatas, status prasarana sistem komputer responden dan kemungkinan pelayan yang menghadapi masalah. Oleh yang demikian, penyelidik berpendapat bahawa soal selidik yang dibuat secara pos adalah lebih baik untuk tujuan kajian berkenaan.

3.4 Metodologi

Kajian yang dilakukan ini melibatkan penggunaan dua jenis sumber data iaitu data primer dan data sekunder. Data sekunder diperolehi melalui kajian perpustakaan dan melalui internet. Manakala data primer pula didapati melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada responden yang terlibat.

3.4.1 Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan yang dibuat oleh penyelidik ialah di dua buah perpustakaan iaitu Perpustakaan Universiti Malaya (UM) dan Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi Mara (UiTM). Pemilihan dua buah perpustakaan ini adalah berdasarkan kursus yang berkaitan dengan kajian ditawarkan di kedua-dua buah institusi ini. Ini

membolehkan penyelidik mendapatkan artikel-artikel yang lama. Bahan-bahan yang diperolehi hasil dari kajian terdiri dari buku, majalah dan jurnal.

3.4.2 Pencarian Melalui Internet

Pencarian melalui internet juga dibuat untuk mendapatkan artikel-artikel yang terbaru. Penyelidik telah menggunakan beberapa kata kunci untuk mendapatkan maklumat berkaitan. Di antara kata kunci yang digunakan ialah *cataloging department , library technical services, cataloging, outsource, contract cataloging, cataloger, library semi-professional staff* dan *library professional staff*.

3.4.3 Soal Selidik

Satu set soal selidik (Lampiran III) telah dibentuk berdasarkan sumber rujukan yang telah diperolehi oleh penyelidik. Soal selidik tersebut dihantar kepada Pustakawan Pengkatalogan bagi semua kategori perpustakaan iaitu perpustakaan negara, awam, akademik/kolej dan khusus. Soal selidik tersebut telah diedarkan kepada Pustakawan Pengkatalogan bagi mengetahui pandangan mereka berkenaan perlaksanaan Bahagian Pengkatalogan pada masa kini. Soal selidik ini telah dibahagikan kepada 5 (lima) bahagian di mana soalan di dalam bahagian pertama adalah bertujuan untuk mengetahui kategori perpustakaan yang dikaji.

Bahagian kedua menyentuh pentadbiran bahagian pengkatalogan yang meliputi pegawai yang bertanggungjawab kepada bahagian berkenaan serta kakitangan yang menjalankan tugas-tugas pengkatalogan.

Di dalam bahagian ketiga disentuh pula tentang jumlah serta pendidikan kakitangan profesional dan separa profesional di bahagian pengkatalogan. Bahagian ini juga ingin mendapatkan jangkaan dan keperluan tugas yang dilakukan oleh kedua-dua kategori kakitangan berkenaan.

Bahagian keempat menyentuh berkenaan tugas-tugas pengkatalogan iaitu merangkumi jumlah naskhah, jenis bahan yang dikatalog dan kakitangan yang terlibat dengan tugas tersebut serta jenis pengkatalogan yang dilakukan.

Bagi bahagian yang kelima, disentuh ciri-ciri yang perlu ditentukan dalam memastikan kualiti pengkatalogan dan siapakah yang paling baik untuk menentukan kualiti tersebut. Juga ditanya tentang pandangan responden terhadap kualiti pengkatalogan yang dijalankan secara kontrak atau *outsource*.

3.4.4 Pra-uji

Sebelum mengedarkan soal selidik, penyelidik telah membuat pra-uji sebanyak 2 kali kepada sepuluh orang pustakawan. Perubahan soalan dan istilah telah dibuat berdasarkan komen dan cadangan mereka.

3.4.5 Edaran

Soal selidik telah diedarkan kepada 94 buah perpustakaan yang telah ditetapkan berdasarkan kepada kategori yang telah diterangkan. Semua soal selidik tersebut telah diedarkan kepada responden pada akhir bulan Februari 2001. Dalam tempoh dua minggu selepas tarikh berkenaan balasan dari responden mulai diterima. Pada awal bulan April

2001, peringatan dihantar kepada responden yang masih belum memberi balasan terhadap soal selidik tersebut.

Dari sejumlah 94 soal selidik yang dihantar, sebanyak 78.7 % (74 responden) telah membalias soal selidik berkenaan. Manakala 5.3 % soal selidik (5 responden) telah berpatah balik kerana responden telah bertukar alamat dan tidak dapat dihubungi. Seterusnya sebanyak 16.0 % (15 responden) lagi tidak memberi jawapan.